



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 2 2022



ISI KANDUNGAN



- DATO' FADLUN DILANTIK PRESIDEN PPJ BAHARU

3



- SASARAN PURATA 50Mbps DI PUTRAJAYA

4



- PPJ RAIH ANUGERAH INISIATIF HIJAU MLAA 12

5



- TILAWAH ALQURAN PUTRAJAYA SERIKAN RAMADAN

6



- FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA DIJENAMAKAN SEMULA

7




- BUBUR LAMBUK TOK DAN DIAGIHKAN KEPADA WARGA PUTRAJAYA

8




- PROGRAM MINGGU INFAQ PPJ BANTU ASNAF SAMBUT RAYA

9



- PPJ TERIMA KONVOI DARI PANTAI TIMUR

10



- LEBIH 100000 TETAMU HADIR RUMAH TERBUKA PM, JEMAAH MENTERI

11



- PPJ LANCAR TERMINAL QR PAY

13

- LAKE CABIN LOKASI BAHARU AKTIVITI BERBASIKAL

15

- PPJ BERJAYA LAKSANA 3 PROJEK SOKONG RENDAH KARBON

17

- KARNIVAL JOM HEBOH 2022, KEMBALI DI ANJUNG FLORIA

18

- PPJ GALAK PERTANIAN PINTAR KOMERSIAL

19

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



Facebook/putrajaya



Twitter@putrajayacorp



Youtube/perbadananputrajaya



Instagram/perbadananputrajaya



Dato' Fadlun Dilantik Presiden Perbadanan Putrajaya Yang Baharu

Dato' TPr Fadlun Mak Ujud dilantik sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Jun 2022.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pelantikan beliau bagi menggantikan Datuk Muhammad Azmi Mohd. Zain yang dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan bermula 15 Disember 2021.

Pelantikan Dato' Fadlun sebagai Presiden merangkap Pengerusi PPj yang ketujuh selaras dengan perenggan 5(1)(a) Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536]. Beliau berusia 55 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Desa dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta berpengalaman 27 tahun sebagai penjawat awam khususnya di pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan 22 tahun perkhidmatan di PPj.

Beliau memulakan kerjaya di PPj sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa pada Mac 2000, manakala jawatan terakhir

beliau sebelum dilantik untuk menyandang jawatan baharu ini adalah Naib Presiden Kanan di Jabatan Perkhidmatan Korporat, PPj.

Tempoh perkhidmatan di PPj memberi kelebihan kepada Dato' Fadlun mengemudi Perbadanan Putrajaya di atas kapasiti pengetahuan dan kemahiran yang luas, selain pengalaman berkaitan pengurusan bandar raya serta dasar-dasar perancangan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.





Sasaran Purata Kelajuan 50mbps Di Putrajaya Berjaya Dicapai

Sasaran purata kelajuan 50Mbps di kawasan Persiaran Boulevard di Presint 1 hingga Presint 6 Putrajaya telah berhasil dicapai dan kerja-kerja pembinaan struktur telekomunikasi baharu dan proses menaik taraf struktur sedia ada juga sedang giat dilaksanakan dan dijadualkan siap sepenuhnya pada bulan Mei 2022.

Ia dilaporkan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Induk Infra Digital Smart Putrajaya Bil 1/2022 yang telah diadakan baru-baru ini. Mesyuarat yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Pegawai Operasi MCMC, Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, dengan Naib Presiden (Undang-Undang), Perbadanan Putrajaya (PPj), Kamal Azira Hassan telah membincangkan isu berkaitan liputan dan tahap kelajuan internet di Putrajaya. Turut dilaporkan ialah pencapaian sasaran-sasaran yang telah berjaya dicapai khususnya sepanjang tahun 2021.

Menurut kenyataan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Perbadanan Putrajaya, Isu liputan internet di Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel F telah berjaya diselesaikan dan sasaran purata kelajuan 50Mbps di kawasan Persiaran Boulevard di Presint 1 hingga Presint 6 telah berjaya dicapai. Apa yang penting pada masa sekarang ialah bukan sahaja mengekalkan pencapaian tersebut tetapi juga memastikan agar

penyedia perkhidmatan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan dalam menyediakan pengalaman terbaik dan untuk kepuasan pengguna.

Bagi merealisasikan aspirasi ini, sebanyak 29 struktur telekomunikasi baharu yang dikenali sebagai Distributed Radio Access Network (DRAN) telah dibangunkan di Putrajaya. Disamping itu juga, sebanyak 31 struktur pemancar komunikasi sedia ada juga telah dinaik taraf. "Ia bagi memastikan kualiti dan kapasiti perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar di Putrajaya dapat dipertingkatkan di mana usaha ini digerakkan secara bersama oleh MCMC dan PPj dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

MCMC berkata mesyuarat ini juga turut mengumumkan persetujuan daripada pihak PPj untuk mengguna pakai Sistem Pengurusan Permit Infrastruktur Komunikasi / Communication Infrastructure Permit Management System (CIPM). Penggunaan sistem CIPM ini bertujuan untuk memudahkan urusan permohonan dan kelulusan pembaharuan permit prasarana telekomunikasi. Di samping itu ianya juga memperkukuhkan tadbir urus dan sistem penyampaian kerajaan melalui perkhidmatan teknologi digital dan secara dalam talian bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta efektif.

Ppj Raih Anugerah Inisiatif Hijau MLAA12

Perbadanan Putrajaya (PPj) berjaya merangkul Green Initiatives Award for Government Category atau Anugerah Inisiatif Hijau Kategori Kerajaan sempena 12th Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA12) pada 25 Mac 2022.

Menerusi penyertaan bertajuk 'Galactic Greenovators Putrajaya Chapter-Empowering Youth As Green Champions', PPj merangkul anugerah tersebut selepas melaksanakan satu program di bawah Jawatankuasa Pembangunan Landskap Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya iaitu Galactic Greenovators Putrajaya Chapter.

Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, PPj, LA.r Abdul Aziz Buang berkata, program yang bersifat interaktif dan bermatlamat global itu diinspirasikan oleh PPj dan ia dijayakan bersama rakan perkongsian pintar LA21 Putrajaya iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPJ), sekolah-sekolah Putrajaya, Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA), Canon (M) Sdn Bhd serta beberapa lagi badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi.

Kumpulan sasar program ini adalah para pelajar sekolah berumur dari 9 hingga 16 tahun dan ia melibatkan sebanyak 21 Kumpulan Pejajar Aliran Perdana Sekolah Rendah dan Menengah serta pelajar dari Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah menengah Putrajaya.

Selain itu, ia juga dilaksanakan berdasarkan modul Greening Sustainable Future Curriculum (GSF) iaitu modul-modul 'Climate Basic', Green Fingers, Green Living dan Greenovation serta 17 Sustainable Development Goals (SDGs) yang telah diputuskan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations), katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Menurutnya, penggunaan modul-modul tersebut telah dapat menghasilkan inisiatif hijau yang kreatif, inovatif, mempunyai nilai komersial serta mampu menjadi pemangkin kepada anak-anak dalam memulihara alam sekitar di peringkat yang lebih global.

Secara dasarnya, program yang bermatlamat meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab di kalangan generasi muda dalam menangani isu alam sekitar ke arah pembangunan mampan sebegini akan terus dijalankan oleh PPj bersama rakan-rakan perkongsian yang dikenal pasti selaras dengan misi menjadikan Putrajaya Bandar Hijau menjelang tahun 2025.

Terdahulu, Majlis Anugerah berprestij 12th Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA12) dan Gala Night 2022 dianjurkan bersempena Hari Landskap Negara Malaysia pada 3 Mac 2022 dan Bulan Seni Landskap Sedunia pada April 2022 telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow di St Giles, The Wembley Hotel, George Town, Pulau Pinang.

Institute of Landscape Architects Malaysia MLAA12 Honour Award bagi Anugerah Inisiatif Hijau untuk Kategori Kerajaan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Puan Hajah Rotina Mohd Daik kepada Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, PPj, Abdul Aziz Buang.



Tilawah Al-Quran Putrajaya Serikan Ramadan



Bersempena meraikan kehadiran bulan Ramadan 1443 Hijrah, Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Pertandingan Tilawah Al-Quran pada 14 April 2022 bermula jam 9 pagi di Dewan Seroja, Presint 15, Putrajaya.

Pelaksanaan Pertandingan Program Tilawah Al-Quran tersebut adalah bagi memupuk minat generasi di pelbagai peringkat usia khususnya golongan remaja dan belia untuk mencintai Al-Quran serta mahir dalam hafazan dan bacaan Al-Quran.

Di samping memupuk budaya membaca Al-Quran, pihak PPj juga berusaha untuk membudayakan kesenian dan kefahaman Al-Quran khusus buat warga Putrajaya terutamanya pada bulan Ramadan.

Dua kategori dipertandingkan iaitu Kategori A pelajar sekolah menengah berumur 13 hingga 18 tahun dan Kategori B pula pelajar sekolah rendah berumur lapan hingga 12 tahun. Ini antara inisiatif dalam mendekatkan Al-Quran kepada pelbagai lapisan dan latar belakang masyarakat. Peserta yang berjaya melepasi peringkat saringan pada 9 April 2022, layak mara ke peringkat final yang berlangsung pada 14 April 2022.

Dalam pertandingan tilawah Al-Quran ini, peserta yang mendapat tempat pertama menerima wang tunai bernilai RM400, tempat kedua RM300, RM250 di tempat ketiga, RM200 untuk tempat keempat, RM150 di tempat kelima manakala tempat keenam dan ketujuh

membawa pulang saguhati.

Pelaksanaan Pertandingan Program Tilawah Al-Quran ini juga berlangsung selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan COVID-19.

Penyertaan warga Putrajaya bagi menyertai pertandingan ini adalah melalui pengimbasan kod QR pada poster atau klik link <https://tinyurl.com/TILAWAHALQURAN2022> bagi tujuan pendaftaran.

Dalam pada itu, Forum Ambang Ramadan pada 1 April 2022 bermula pukul 10 pagi yang bertempat di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya turut dianjurkan.

Forum tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan menampilkan ahli-ahli panel terkenal yang membicarakan pelbagai topik menarik bertemakan Ramadan.

Disamping itu juga, pihak PPj turut menganjurkan program-program menarik sepanjang bulan Ramadan antaranya Program Bubur Lambuk Wilayah Persekutuan Putrajaya, Program Tadarus Khatam Al-Quran@MPPWP Putrajaya, Program Minggu Infaq Putrajaya, Program Bantuan Hari Raya Aidilfitri@ B40 Putrajaya dan Program Kuiz Ramadan Kareem@ Putrajaya.





Festival Ramadan Putrajaya Dijenama Semula Sebagai Ihya' Ramadan Putrajaya

Festival Ramadan Putrajaya yang merupakan tarikan tahunan orang ramai terutama untuk mengimarahkan bulan Ramadan dan membeli belah di Putrajaya, dijenamakan semula sebagai Ihya' Ramadan Putrajaya (IRP).

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Shahidan Kassim yang merasmikan IRP 2022 pada 6 April 2022 berkata penjenamaan semula itu bertujuan bagi mengimarahkan bulan Ramadan dengan pengisian kerohanian, selain menyokong perkembangan ekonomi di Putrajaya.

Antara pengisian IRP 2022 adalah program ilmu melibatkan penceramah agama popular dan program Santai Petang@Ihya' Ramadan pada setiap Sabtu di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Perbadanan Putrajaya komited untuk terus menjadikan Putrajaya sebagai destinasi pilihan

pelancong dan pengunjung khususnya ketika bulan Ramadan.

IRP 2022 dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal, Kiblat Walk dan Laman Iftar yang kesemuanya terletak berhampiran Dataran Putrajaya dan berlangsung sehingga 2 Mei 2022.





Bubur Lambuk Tok Dan Diagih Kepada Warga Putrajaya

Sebagai tanda mengimarahkan bulan Ramadan, isteri Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Shamsiah Md. Yassin, mengagihkan sebanyak 1200 pek bubur lambuk kepada orang ramai di sekitar Bazar Ramadan Putrajaya, Presint 3.

Agihan Bubur Lambuk Tok Dan yang bersempena dengan nama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim ini mendapat kerjasama Perbadanan Putrajaya, Pulse Grande Hotel dan pasukan yang dibawakan khas dari Perlis.

Sebanyak empat buah periuk bubur lambuk dimasak bagi menghasilkan 1200 pek sebelum diberikan percuma kepada penduduk sekitar.

Sekalung ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menganjurkan dan menjayakan program seperti ini. Diharap sumbangan ini dapat mengeratkan lagi ukhuwah yang terjalin selama ini bersama warga Putrajaya.

Pengunjung kelihatan gembira dan berterima kasih kepada Datin Seri yang sanggup turun padang memasak sendiri Bubur Lambuk Tok Dan dan mengagihkannya kepada pengunjung.

Untuk makluman, Datin Seri Shamsiah bersama pasukannya mengacau bubur lambuk bermula seawal jam 12.30 tengah hari di tapak Bazar Ramadan sebelum diagihkan kepada pengunjung.

Hadir sama bagi memeriahkan program tersebut ialah Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, Pengurus Besar Pulse Grande Hotel, Wan Mohd Azhar Wan Ahmad Shuky, Eksekutif Sous Chef, Hairy Ismail A. Rahman, Sous Chef, Hasna Erdawaty dan Pengurus Besar Wilayahku, Azlan Abdul Aziz.



Program Minggu Infaq Ppj Bantu Asnaf Sambut Raya



Kehadiran Ramadan membuka ruang kepada setiap umat Islam untuk melakukan amal kebajikan bagi mendapatkan ganjaran istimewa melebihi dari bulan-bulan yang lain dan antara amalan yang digalakkan adalah bersedekah.

Oleh yang demikian, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif membantu golongan memerlukan dengan menghulurkan bantuan barangan keperluan harian dan baucar Hari Raya menerusi Program Minggu Infaq 2022.

Sumbangan tersebut disalurkan ke surau-surau di sekitar Putrajaya dan golongan asnaf untuk mereka membeli persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Program yang berlangsung bermula dari 9 April 2022 sehingga 24 April 2022 adalah untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga seterusnya mensejahterakan kehidupan warga Putrajaya.

Sumbangan amat diperlukan dan sokongan daripada orang ramai amat-dialu-alukan. Diharapkan inisiatif ini dapat mengurangkan beban mereka pada bulan Ramadan dan

sedikit sebanyak membantu mereka mengharungi kehidupan seharian.

Penyumbang utama dalam program ini terdiri daripada Putrajaya Holdings, Subaru, KK Mart, 99 Speedmart, Kumpulan JL99 dan Tenaga Nasional Berhad.

Program Minggu Infaq 2022 yang berlangsung pada setiap hujung minggu turut diserikan dengan pelbagai program menarik antaranya bacaan Al-Quran oleh pelajar tahfiz, tazkirah muzikal daripada penceramah terkemuka serta Persembahan Qasidah Berzaman khas untuk mereka yang berbuka puasa di padang Perbadanan Putrajaya.

Pelbagai pengisian turut disusun bagi meraikan pengunjung yang berkunjung ke Ihya' Ramadan dan Laman Iftar Putrajaya.

Kaunter serahan barang dan tabung infak turut dibuka sepanjang 15 hari penganjuran bagi memberi peluang kepada pengunjung mengejar ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah SWT di bulan yang mulia ini.

PPj Terima Kunjungan Konvoi Dari Pantai Timur



Perbadanan Putrajaya (PPJ) menerima kunjungan konvoi 33 buah motosikal berkuasa tinggi dari Terengganu. Pemilihan PPj sebagai destinasi singgah oleh pasukan konvoi tersebut memandangkan ia berkait rapat dengan Program Kenali Taman Negeri Terengganu South Chapter 2022 yang dianjurkan.

Menurut Pengurus Program Kenali Taman Negeri Terengganu South Chapter 2022, En. Shahriz Ahmad Laili, program yang berkonsepkan aktiviti konvoi bermotosikal ini merupakan platform untuk memberi hebahan dan maklumat berkaitan produk Taman-Taman Negeri Terengganu.

Semasa berada di Putrajaya, pasukan konvoi beramah mesra dan bertukar-tukar idea bersama Naib Presiden Kanan PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud berkaitan pengurusan taman memandangkan PPj mempunyai Taman Wetland di Presint 13.

Mereka turut berharap dapat berkolaborasi bersama PPj dari sudut pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi pada masa akan datang dengan melihat kepada prospek yang bersesuaian sepertimana yang sedia maklum PPj merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang dari

segi pengurusan taman dan sebagainya.

Selain Putrajaya, konvoi yang diketuai oleh Pengarah Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu (MPTN), Tengku Mohd Arifin Tengku Datuk A. Rahman turut menjelajah ke beberapa buah negeri iaitu Pahang, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Di setiap hentian, peserta konvoi berserta pasukan promosi akan melakukan aktiviti hebahan berkaitan Taman Negeri Setiu Wetland dan Taman Negeri Kenyir untuk dijadikan pilihan sebagai destinasi eko pelancongan di Terengganu dan mereka turut memberikan kesedaran awam kepada umum tentang pentingnya alam semula jadi dan tanggungjawab untuk melindunginya. Program tersebut adalah susulan daripada penganjuran tahun 2021, Kenali Taman Negeri Terengganu 'One Round Terengganu'.

Terdahulu, konvoi sejauh 1,517 kilometer dari Terengganu tersebut menghimpunkan motosikal berkuasa tinggi jenis BMW GSA, BMW RT, X-ADV, Benelli, Yamaha R1, Kawasaki ZX-14 dan Kymco Xciting-400

Lebih 100000 Tetamu Hadir Rumah Terbuka PM, Jemaah Menteri



Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Perdana Menteri dan Anggota Jemaah Menteri 2022 di Seri Perdana Presint 10, mencatatkan sambutan luar biasa apabila lebih 100,000 pengunjung direkodkan hadir.

Berikutan sambutan luar biasa tersebut, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengambil keputusan melanjutkan majlis tersebut sehingga selesai meskipun ia sepatutnya berakhir pada jam 4 petang. YAB Perdana Menteri tidak sampai hati melihat Keluarga Malaysia beratur panjang menunggu giliran.

Selain itu juga, majlis yang sepatutnya bermula jam 10 pagi telah diawalkan pada jam 9.30 pagi berikutan sambutan dan kehadiran orang ramai yang luar biasa.

Setakat jam 4 petang, tetamu dan pengunjung masih lagi beratur menunggu giliran ke tapak majlis rumah terbuka tersebut di Laman Sari bagi menghadiri rumah terbuka serta bertemu Perdana Menteri yang menyantuni para pengunjung.

Majlis dengan tema 'Raya Keluarga Malaysia, Syawal Dirai, Nikmat Disyukuri', merupakan rumah terbuka pertama dihoskan Datuk Seri Ismail Sabri selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada 20 Ogos 2021, serta barisan kabinet beliau.

Mengikut anggaran awal, dijangka lebih 70,000 pengunjung dan tetamu akan menghadiri majlis rumah terbuka tersebut.

Akibat pandemik Covid-19, rumah terbuka tahunan ini tidak dapat diadakan selama dua tahun. Kali terakhir ia diadakan pada 5 Jun 2019 di Seri Perdana dan dihoskan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad dan barisan kabinet beliau.

Sementara itu, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut berkenan berangkat ke Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Perdana Menteri dan Jemaah Menteri di Kompleks Seri Perdana. Seri Paduka Baginda tiba pada pukul 11.30 pagi dan disambut Perdana Menteri serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Seterusnya, Yang di-Pertuan Agong diiringi ke bilik santapan khas dan dihidangkan dengan pelbagai juadah tradisi. Selepas itu, baginda bergerak ke khemah utama beramah-mesra dengan rakyat.

Al-Sultan Abdullah meluangkan masa kira-kira 15 minit bertemu dengan tetamu sebelum berangkat meninggalkan majlis tersebut.



Dataran Putrajaya Bergema Dengan Sorakan Penyokong Harimau Malaya



Kira-kira 1,500 penyokong Harimau Malaya berhimpun di Dataran Putrajaya, Presint 3 bagi menyaksikan perlawanan bola sepak di antara pasukan kebangsaan menentang Bangladesh. Hadir Sama Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud.

Perlawanan Kelayakan Piala Asia tersebut yang dipertontonkan menerusi layar besar, dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara bersama Astro Awani, dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Kelab Belia Wawasan Putrajaya.

Turut diadakan, cabutan hadiah bertuah yang diadakan pada waktu rehat perlawanan dan selepas perlawanan.

Sebagai rekod, perlawanan berakhir dengan keputusan 4 -1 memihak kepada Harimau Malaya, sekaligus menyaksikan pasukan kebangsaan berjaya melangkah ke Piala Asia secara merit buat pertama kali dalam tempoh 42 tahun.



Putrajaya Bridge Night Ride (PBNR) 2022



Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Red Adventure telah menganjurkan acara Putrajaya Bridge Night Ride (PBNR) 2022 dengan penyertaan seramai 2,000 orang peserta.

Acara pelepasan kayuhan santai ini telah disempurnakan oleh Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Ketua Setiausaha MOTAC bersama Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, Presiden PPj.

Kayuhan bermula di jalan utama berhadapan Palace of Justice (POJ) mengikut kategori 5KM, 10KM dan 25KM. Sasaran laluan utama adalah 9 buah jambatan yang menjadi ikon penting di Putrajaya selain landskap dan geometri bangunan kerajaan yang menarik dan unik.

Turut hadir ialah Encik Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) MOTAC, Pengurusan Tertinggi MOTAC dan Naib-naib Presiden Putrajaya.



PPj Lancar Terminal QR Pay, Sahut Seruan Kerajaan

Perbadanan Putrajaya (PPj) menyahut seruan kerajaan dalam menggalakkan penggunaan transaksi tanpa sentuhan melalui pelancaran Terminal QR Pay bagi semua perkhidmatan pembayaran yang ada di PPj bermula 1 Mei 2022.

Menurut Pengarah Bahagian Anak Syarikat, Kawalan Kredit dan Hasil Jabatan Kewangan PPj, En. Aminudin Abdul Hamid, kaedah pembayaran tersebut melibatkan 15 pusat kutipan PPj termasuk kaunter van bergerak.

Objektif utama kita adalah bagi mengurangkan penerimaan terlalu banyak wang tunai di pusat kutipan atas pelbagai faktor seperti keselamatan dan sebagainya selain menyahut seruan kerajaan.

Selain kutipan yang melibatkan kompleks kejiiran seperti sewaan dewan, penggunaan fasiliti dan sebagainya, kaedah ini juga diguna pakai secara meluas untuk perkhidmatan pembayaran PPj seperti cukai pintu, lesen dan sebagainya.

PPj akan terus mengikut peredaran masa dengan menyediakan platform transaksi digital bagi memudahkan pelanggan, selari dengan peralihan masyarakat tanpa

tunai menjelang 2025. Tidak dinafikan kaedah ini semakin popular sejak negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini yang mana ketika itu pelbagai inisiatif telah dilancarkan kerajaan seperti pemberian e-dompet, pulangan tunai dan sebagainya bagi menggalakkan perbelanjaan digital.

PPj sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menerajui pengurusan dan pembangunan perbandaran melalui tadbir urus dinamik dan berinovasi komited menyediakan perkhidmatan yang terbaik selain tidak mahu ketinggalan dalam peredaran terkini.

Kejayaan Terminal QR Pay bertitik tolak daripada usaha dan peranan penting yang dimainkan oleh Naib Presiden Jabatan Kewangan, Puan Suhaila binti Eleas dan Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar, Encik Nik Shukri bin Nik Soh.

Antara lokasi yang menyediakan Terminal QR Pay adalah Kompleks Kejiiran Presint 16, Taman Botani Presint 1, Pusat Pembelajaran Kejiiran Presint 9 dan Kompleks Futsal Taman Pancarona Presint 18.



Bengkel Penghasilan Produk PolyAl



**BENGKEL
PENGHASILAN PRODUK POLYAL 2022**

1 JUN 2022 (RABU)
8:30 PAGI - 5:00 PETANG
**BERTEMPAT DI DEWAN SERI MELATI,
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

👉 **ANDA KREATIF?**
👉 **ANDA MINAT BERTUKANG?**
👉 **ANDA AMALKAN BUDAYA HIJAU?**

📄 Borang Daftar
Tarikh tutup: 19 Mei 2022
(Peserta yang memenuhi syarat-syarat
pertandingan akan dihubungi
penganjur)

TERBUKA
KEPADA
30 ORANG
TERAWAL
BERUSIA 21 HINGGA
60 TAHUN

Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan bengkel penghasilan produk kitar semula daripada bahan PolyAluminium (PolyAl) secara percuma buat warga Putrajaya pada 1 Jun 2022.

Menurut Pengarah Pembangunan Mampan dan Perumahan PPj, TPr Noor Sita Abbas, bengkel khas tersebut akan memberi pendedahan kepada komuniti Putrajaya dalam menghasilkan produk baru yang boleh menjana hasil pendapatan dan meningkatkan ekonomi secara tidak langsung.

Para peserta dilatih untuk mengilhamkan produk daripada kreativiti sendiri dengan produk baru yang berkualiti selain bertujuan untuk memperkenalkan konsep ekonomi sirkular sebagai pendekatan baru dalam tindakan pengurangan sisa pepejal di Putrajaya.

Peserta juga dibekalkan dengan barang-barang pertukangan serta bahan-bahan yang diperlukan selain diajar cara pengendalian mesin ringan sambil dipantau oleh jurulatih bertugas.

Program ini hanya tehad kepada 30 orang peserta sahaja dan diadakan selama satu hari bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj.

Bahan PolyAl merupakan kepingan aluminium yang terdapat di dalam kotak minuman terpakai (Used Beverage Cartons-UBC). Ia merupakan bahan mesra alam yang dapat dikitar semula menjadi papan PolyAl. Bahan ini dapat diguna semula bagi

menghasilkan satu produk baru secara kreatif dalam pelbagai bentuk yang boleh dimanfaatkan semula bagi menghasilkan barangan kitar semula seperti bakul, bangku, kotak, lampu, rak buku, pasu dan sebagainya.

Program ini adalah di bawah salah satu inisiatif Bandar Hijau yang mana Projek CAREton@Putrajaya yang telah diperkenalkan oleh pihak PPj, Syarikat Tetra Pak Malaysia dan Syarikat Nestle MILO UHT pada tahun 2021. Ia bertujuan untuk mengumpulkan UBC untuk diproses kepada bahan binaan mesra alam seperti PolyAl dan merupakan satu platform bagi komuniti Putrajaya untuk mengumpul sebanyak mungkin kotak-kotak minuman terpakai.

Sebarang maklumat lanjut, boleh hubungi Cik Wang Tze Wee/Muhammad Fahri Zulkifli di talian 03-88877000 (7180/8530)



Lake Cabin Lokasi Baharu Penggemar Aktiviti Berbasikal Di Putrajaya

Para penggemar aktiviti berbasikal kini mempunyai lokasi baharu untuk dikunjungi apabila Lake Cabin di Pit Stop @ Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya beroperasi secara rasmi.

Tarikan terbaharu ini merupakan sebuah premis pelbagai fungsi yang menawarkan kedai menyewa, menjual dan membaiki basikal termasuk sebuah kafe.

Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato' TPr Fadhlun Mak Ujud berkata, Lake Cabin bermatlamat menjadi nilai tambah kepada pembangunan di Putrajaya sebagai bandar rekreasi dengan menawarkan kemudahan, ruang dan peluang untuk orang ramai melibatkan diri dalam aktiviti berbasikal.

Ini merupakan produk baharu di Putrajaya dan kepada penggemar aktiviti berbasikal, Lake Cabin adalah pit stop untuk mereka. Selama ini mereka berhenti di merata tempat, tetapi dengan adanya pit stop, mereka yang ingin berbasikal boleh memarkir basikal mereka di sini sambil menikmati sarapan atau secawan kopi sebelum memulakan/ meneruskan aktiviti.

Hadir sama, Pengerusi Trillion Gold Peak Sdn. Bhd., Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin.

Selain menyediakan perkhidmatan sewaan, jualan dan servis basikal, Lake Cabin juga

bakal menjadi pusat penganjuran sebarang aktiviti berkaitan basikal pada masa akan datang sekali gus memeriahkan lagi ruang rekreasi di Putrajaya.

Dengan adanya sebuah kafe di lokasi sama, tarikan Lake Cabin akan lebih menonjol dalam kalangan warga yang menggemari budaya kafe sambil bersantai.



MTIB, PPj Hasil Produk Mesra Alam



Perbadanan Putrajaya (PPJ) bersama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) berkerjasama mempromosikan Wood Plastic Composite (WPC) untuk ditempatkan di taman-taman awam sekitar Putrajaya.

Langkah ini sebagai menyokong industri alternatif kayu di negara ini dan merealisasikan hasrat PPj untuk menaiktaraf taman-taman awam di Putrajaya.

Naib Presiden Kanan PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud berkata, selain untuk manfaat kepada pengunjung, ia juga dapat mempromosikan perabot taman yang berasaskan WPC kepada orang ramai, iaitu produk yang dibina melalui kaedah campuran kayu dan plastik.

Penempatan perabot berkenaan di anjung floria juga dilihat bertepatan memandangkan kawasan tersebut menjadi tempat persinggahan atau pit stop kepada pengunjung dan diharap agar produk tersebut dapat diperluaskan ke taman-taman awam yang lain.

Sebelum itu, MTIB dan PPj telah menjayakan Majlis Penyerahan Perabot Taman Wood Plastic Composite (WPC) dan Pertukaran Nota Kolaborasi bagi Projek Penggalakan Pasaran dan Promosi WPC di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya pada 4 Jun 2022.

Majlis Penyerahan Perabot Taman dan Pertukaran Nota Kolaborasi bagi menggalakkan dan mempromosikan penggunaan WPC sebagai alternatif kayu telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah MTIB Mahpar Atan kepada Naib Presiden Kanan PPj, Dato' Fadlun Mak Ujud.

Pada majlis tersebut PPj turut menerima empat set perabot taman terdiri daripada bangku taman, meja dan tong sampah yang dihasilkan daripada dua bahan utama iaitu kayu dan juga plastik. Perabot berkenaan akan ditempatkan di beberapa lokasi sekitar Anjung Floria bagi kegunaan orang awam dan akan dijadikan perintis kepada projek-projek yang bakal dirancang.

Produk WPC adalah produk alternatif kayu bercirikan hijau dan mesra alam. Ia dihasilkan daripada dua (2) bahan utama iaitu gentian semula jadi dan juga plastik. Gentian semula jadi boleh diperolehi daripada sisa pertanian, sisa perindustrian kayu ataupun hutan asli seperti kelapa sawit, serbuk kayu, kenaf, buluh, sekam padi dan lain-lain lagi. Manakala plastik yang biasa digunakan adalah polyethylene, polypropylene, polyvinil chloride (PE,PP,PVC).

Bercirikan mesra alam, penghasilan perabot berkenaan juga dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber hutan asli. Selain mempunyai ketahanan terhadap lembapan dan serangan anai-anai.





PPj Berjaya Laksana Tiga Projek Sokong Rendah Karbon

Sebanyak tiga projek berjaya dijalankan dalam tempoh lima tahun menerusi Pelaksanaan Teknologi Hijau ke arah Pembangunan Bandar-bandar Rendah Karbon (GTALCC) sejak 2017, kata Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj) Dato' TPr Fadlun Mak Ujud pada Majlis Penutup Kolaborasi PPj dan GTALCC di bawah inisiatif Putrajaya Bikeable City.

Projek tersebut adalah penggunaan basikal elektrik oleh kakitangan PPj pada 2019, penyediaan Pelan Tindakan Pengurangan dan Pengurusan Sisa Pepejal pada 2020 serta pemasangan laluan jalan basikal di Jambatan Seri Wawasan dan Seri Saujana dalam tahun 2021.

Putrajaya adalah satu daripada bandar terpilih dalam projek ini khasnya dalam pelaksanaan Putrajaya Bikeable City iaitu inisiatif di bawah Focus Area Three menerusi Bandar Hijau Putrajaya 2025,

GTALCC adalah projek lima tahun bermula 2017 yang menyokong kepada pelaksanaan

inisiatif rendah karbon di bandar-bandar di Malaysia, dengan Kementerian Alam Sekitar dilantik sebagai penyelaras projek.

Manakala untuk tahun 2022 pula, projek Putrajaya Cycling Route (PCR) di empat lokasi iaitu Kompleks PPj, Pusat Rekreasi Air Taman Wetland, Tangga Putrajaya dan Laman Perdana sedang dilaksanakan.

Antara komponen yang disediakan adalah peta laluan, tempat pembaikan dan pam basikal, rak basikal dan water dispenser.

Bagi fasa pertama, PCR telah dirancang melibatkan pembinaan laluan berbasikal sejauh 180 kilometer.



Karnival Jom Heboh 2022

Kembali, Sarat Aktiviti



Karnival Jom Heboh (KJH) kembali membuka tirainya selepas tiga tahun berehat susulan pandemik COVID-19 dengan pelbagai aktiviti dan promosi menarik menanti pengunjung yang hadir.

Acara tahunan kegemaran ramai yang dibawakan oleh DuitNow ini berlangsung pada 25 dan 26 Jun bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya sempena dengan Hari Rekreasi Putrajaya (HRP) 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sempat meluangkan masa lebih sejam meninjau KJH dan menyifatkan program ini merupakan perhimpunan keluarga yang besar selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan beliau pada Oktober 2021.

Karnival anjuran Media Prima Berhad (MPB) ini turut dimeriahkan dengan pelbagai booth dari TV3, TV9, DidikTV, Hot FM, Molek FM, Buletin FM, OH BULAN, SEISMIK, VOCKET, Waktu Solat Malaysia, WOWSHOP dan tonton.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan dan orang ramai berpeluang beramah mesra dengan barisan selebriti tanah air popular seperti Meerqeen, Anna Jobling, Zara Zya, Ummi Nazeera, Sophia Albarakbah dan ramai lagi di booth MPB.

Selain itu, belon udara panas juga disediakan khas buat pengunjung yang ingin melihat suasana sekeliling Putrajaya dengan harga yang berpatutan, hanya

dengan menggunakan aplikasi DuitNow.

Pengunjung juga berpeluang bersantai di hujung minggu bersama ahli keluarga dengan aktiviti-aktiviti santai seperti Karaoke Muzik-Muzik, bergambar dan bermesra dengan maskot Alif & Sofia dan Hang Omar Timor.

Juga tidak ketinggalan siaran langsung program Borak Kopitiam, Wanita Hari Ini dan Melodi.

Para pengunjung turut dihiburkan dengan Konsert Jom Heboh yang dihoskan oleh deejay terkenal Hot FM dan Buletin FM seperti AG, Ally Iskandar, Haiza, Ayu, Riena Diana, Muaz, Hawa Rizwana dan Imran Aqil pada 9 malam selama dua malam berturut-turut.

Antara barisan artis yang membuat persembahan adalah Ara Johari, Ashtin, kumpulan Masdo, Insomniacks, Xpose, Amsyar Lee, Ezad Lazim dan ramai lagi.

Bagi meraikan Hari Rekreasi Putrajaya pula, yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya, pelbagai acara-acara menarik seperti zoo peliharaan di Festival Pencinta Haiwan Putrajaya (PALOF), Bandar RV, Desa Kopi, Pertandingan Memancing dan Flying Fox diadakan.

Sebarkan keseronokan dengan menggunakan tanda pagar #KarnivalJomHeboh dan #KJH. Maklumat lanjut boleh layari laman sesawang Jom Heboh dan ikuti laman sosial rasmi di Facebook dan Instagram di @jomhebohofficial.



PPj Galak Pertanian Pintar Komersial



Kebun Komuniti yang diusahakan penduduk setempat khususnya di Putrajaya hampir 10 tahun lalu dilihat semakin berkembang dan mampu menjana pendapatan penduduk selain penganugerahan di peringkat ASEAN.

Sehingga kini, hasil daripada 13 buah Kebun Komuniti tersebut juga turut dikomersialkan dan dipertingkatkan dengan teknologi terkini sekali gus menuju ke arah Plant Factory atau kilang tanaman.

Menurut Pengarah Bahagian Hortikultur dan Pertanian Bandar Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya (PPj), En. Mustafa Kamal Ismail, objektif utama Program Kebun Komuniti tersebut selari dengan salah satu langkah kerajaan menjamin ekosistem sekuriti makanan.

Ini kerana PPj sendiri menggalakkan pertanian pintar selain meningkatkan hasil pertanian yang disokong melalui penggunaan tanah terbiar dan wakaf yang terdapat di sekitar Putrajaya untuk pertanian bandar tersebut.

Program ini telah bermula sejak 2008 yang mana ketika itu ia dikenali sebagai Kempen Bumi Hijau. Pada tahun 2013 telah dijenamakan semula kepada Kebun Komuniti Putrajaya.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendapatan sampingan kepada komuniti setempat selain menjadikan ia aktiviti berfaedah buat penduduk bagi mengisi maslapang.

Ternyata usaha ini tidak sia-sia kerana dengan hasil kebun tersebut mereka tidak perlu lagi ke pasar selain turut memperolehi hasil tanaman yang segar bebas dari bahan kimia seperti racun serangga.

Antara hasil tanaman yang diusahakan oleh Kebun Komuniti ini adalah cili, kangkung, bayam, rock melon, madu kelulut serta produk hiliran berasaskan hasil pertanian yang lain seperti Bayam Brazil Crispy dan sebagainya.

Buah rock melon dari Putrajaya adalah antara yang terbaik kerana PPj sentiasa kawal dari segi kualiti dan sebagainya selain dalam usaha untuk menjadikan setiap Kebun Komuniti yang terlibat sebagai hab.

PPj dalam perancangan untuk jadikan Kebun Komuniti Presint 11 sebagai hab tembikai, Kebun Komuniti Presint 16 sebagai hab halia selain yang terbaru di Kebun Komuniti Presint 20, akan dijadikan hab nanas. PPj turut berbangga dengan kejayaan madu kelulut Putrajaya yang dikenali sehingga ke luar negara.

PPj juga telah meluluskan beberapa tapak baharu di Projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) untuk mengusahakan tanaman Kebun Komuniti di kawasan tersebut. Ini adalah berdasarkan pencapaian Perumahan Penjawat Awam Pudina Presint 17 yang mana tidak sampai dua tahun mereka sudah mampu menghasilkan tanaman terung dan cili yang terbaik.

Untuk perancangan ke arah kilang tanaman pula, PPj akan bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Putrajaya untuk menggunakan Teknologi terkini daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Selain itu, PPj juga turut bekerjasama dengan pihak Iniversiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam menggunakan Teknologi IoT (Internet of Things) sejak bulan Disember 2021, antaranya untuk memantau penggunaan air, baja dan sebagainya menggunakan sensor.

PPj Rai Lima Pemenang SMArt Botanic Edu-CARE

Perbadanan Putrajaya (PPj) meraikan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya yang dinobatkan sebagai pemenang Program SMArt Botanic Edu-CARE Majlis yang diadakan di Dewan Seri Seroja, Presint Diplomatik Putrajaya.

PPj berkerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan menganjurkan Program SMArt Botanic Edu-CARE untuk menyemai pengetahuan berkaitan pengetahuan botani asas dan latihan praktikal tentang reka bentuk dan pengurusan landskap kepada guru-guru dan pelajar sekolah.

Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud menyatakan program ini adalah bagi melatih pelajar SMK Putrajaya untuk membina landskap mini taman dengan idea yang kreatif, kondusif dan lestari di samping membantu dalam mengindahkan persekitaran sekolah masing-masing.

Sebanyak sembilan SMK Putrajaya telah menyertai program ini dan lima sekolah telah diumumkan sebagai pemenang dalam pembinaan taman mini berpandukan kepada amalan hortikultur serta reka bentuk landskap yang terbaik dan lestari dalam penggunaan

barangan terbuang atau kitar semula.

Semua sekolah diberikan masa selama lima minggu untuk menyiapkan cadangan merekabentuk landskap taman mini dan proses ini melibatkan perbincangan serta lawatan tapak ke sekolah bersama wakil PPj, pensyarah, pelajar UPM, guru dan pelajar sekolah menengah masing-masing berkenaan kesesuaian tapak serta konsep yang dipersetujui oleh pihak sekolah..

Antara sekolah yang dinobatkan sebagai pemenang adalah SMK Putrajaya Presint 5(1) sebagai Juara, Naib Juara SMK Putrajaya Presint 9(2), SMK Putrajaya Presint 16(1) di tempat Ketiga manakala SMK Putrajaya Presint 11(1) dan SMK Putrajaya Presint 8(1) sebagai merit.

Juara pertandingan membawa pulang wang tunai bernilai RM1,500 beserta trofi, RM1,000 bagi Naib Juara manakala Tempat Ketiga RM700 dan hadiah merit pula sebanyak RM500.

Hadir sama pada majlis ini ialah Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, LAr. Abd Aziz Buang; Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya LAr. Dr Suhardi Maulan dan Timbalan Pengarah Perancangan Jabatan Pendidikan Wilayah Putrajaya, Dr Roslan Hussin.

